

GARIS PANDUAN PENULISAN TEKS KHUTBAH JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



Terbitan

Unit Khutbah

*Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor*

BIL.	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	KATA-KATA ALUAN PENGARAH JAIS	III
2.	TUJUAN	1
3.	LATAR BELAKANG	1
4.	CIRI-CIRI PENULISAN TEKS KHUTBAH	2
6.	KAEDAH PENULISAN TEKS KHUTBAH	2
7.	PENUTUP PENULISAN TEKS KHUTBAH	4
8.	KESIMPULAN	5
9.	CARTA ALIR PROSES PENERBITAN TEKS KHUTBAH JAIS (LAMPIRAN)	6
10.	SENARAI AHLI JAWATANKUASA PANEL KHUTBAH NEGERI SELANGOR (LAMPIRAN)	8



KATA-KATA ALUAN

Alhamdulillah, saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan taufiq dan hidayah serta inayahNya, Jabatan ini dapat menerbitkan buku Garis Panduan Penulisan Teks Khutbah Negeri Selangor.

Garis panduan ini bertujuan untuk menggalakkan penulis untuk meningkatkan kreativiti penulisan lebih berkesan. Perkembangan dan kepelbagaian gaya penulisan khutbah adalah satu keistimewaan yang perlu di pandu dengan garis panduan seperti ini demi melebarkan skop penyampaiannya kepada pendengar.

Besar harapan saya agar garis panduan ini dapat dijadikan rujukan dan membantu semua pihak dalam urusan berkaitan penulisan khutbah. Secara tidak langsung, hasrat jabatan untuk meningkatkan kewibawaan khatib dan para Imam untuk memantapkan tugas penyampaian dakwah melalui khutbah yang berkualiti dan berkesan.

Akhir sekali saya mengucapkan tahniah kepada Bahagian Pengurusan Masjid di atas usaha menerbitkan garis panduan ini. Semoga usaha murni ini akan diberkati Allah S.W.T.

Sekian. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

S.S. Dato' Haji Marzuki Bin Haji Hussin
Pengarah
Jabatan Agama Islam Selangor



GARIS PANDUAN PENULISAN TEKS KHUTBAH JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR TAHUN 2012

5. TUJUAN

Garis Panduan Penulisan Teks Khutbah Jabatan Agama Islam Selangor ini disediakan untuk memudahkan penulisan dan pengurusan penerbitan teks khutbah bagi mencapai objektif kualiti yang ditetapkan.

6. LATAR BELAKANG

- 2.1 Khutbah adalah salah satu syarat sah solat jumaat. Bahagian Pengurusan Masjid di Jabatan Agama Islam Selangor bertanggungjawab menyediakan teks khutbah untuk diedarkan kepada masjid-masjid dan surau yang mendapat kebenaran solat Jumaat seluruh negeri Selangor.
- 2.2 Bagi tujuan pengawalan dan penyelarasan, teks khutbah yang diterbitkan hendaklah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Panel Khutbah Negeri Selangor.
- 2.3 Penerbitan teks khutbah yang berkualiti dan berkesan bertujuan untuk mendidik dan membimbing masyarakat ke arah menjana umat Islam yang bertaqwa melalui penjelasan isu-isu semasa, pendidikan, pengajaran, bimbingan dan peringatan.
- 2.4 Teks khutbah mengandungi lima (5) rukun khutbah, iaitu:



- 2.4.1 Puji-pujian kepada Allah SWT pada khutbah pertama dan kedua.
- 2.4.2 Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW pada khutbah pertama dan kedua.
- 2.4.3 Ayat Al-Quran yang lengkap.
- 2.4.4 Wasiat taqwa.
- 2.4.5 Doa untuk keselamatan dan kesejahteraan seluruh umat Islam.

7. CIRI-CIRI PENULISAN TEKS KHUTBAH

- 3.1 Teks khutbah hendaklah ditaip dalam Bahasa Melayu.
- 3.2 Teks khutbah hendaklah asli yang merupakan hasil karya dan penulisan sendiri serta belum pernah diterbitkan oleh mana-mana pihak sebelumnya.
- 3.3 Penulisan khutbah hendaklah menepati tajuk yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Panel Khutbah Negeri Selangor.
- 3.4 Menggunakan font jenis Arial bersaiz 12, jarak antara teks adalah “1.5 spacing”, keseluruhan stuktur teks mestilah di sama-ratakan (*justified*) dan jumlah muka surat antara 6-7 muka (tidak lebih 12 minit tempoh bacaannya).
- 3.5 Teks khutbah mestilah ditulis menggunakan perisian Microsoft Office Word.
- 3.6 Penulisan teks khutbah hendaklah bertaip menggunakan komputer dan menyerahkan salinan *softcopy*nya kepada urusetia dengan menyatakan nama, alamat dan nombor telefon penulis.



8. KAEDAH PENULISAN TEKS KHUTBAH

7.1 Kaedah penulisannya hendaklah menepati rukun khutbah mengikut susunan berikut:

7.1.1 Pendahuluan

Mengandungi pujian kepada Allah SWT, syahadah, selawat, seruan bertaqwa dan ayat Al-Quran yang berkaitan dan bersesuaian dengan tajuk khutbah. (Ditulis dalam Bahasa Arab).

7.1.2 Hendaklah menggunakan kata seruan yang sesuai seperti:

*SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH
atau
SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA.*

7.2 Isi kandungan Khutbah

7.2.1 Isi kandungannya hendaklah mempunyai fakta, analisa, perbandingan, peringatan, cadangan, galakkan dan rumusan yang disokong oleh hujah sama ada dengan ayat Al-Quran, hadith atau pendapat ulama' dan lain-lain.

7.2.2 Tidak mengandungi perkara-perkara berikut:

7.2.2.1 Apa-apa ajaran yang bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

7.2.2.2 Sebarang hasutan, fitnah, prasangka buruk dan seumpama dengannya.



- 7.2.2.3 Unsur-unsur ajaran sesat dan fahaman yang menyimpang daripada ajaran Islam dan Sunnah Rasulullah SAW.
 - 7.2.2.4 Unsur-unsur politik kepartian.
 - 7.2.2.5 Unsur-unsur kegiatan pertubuhan *subversif*.
 - 7.2.2.6 Perbincangan masalah *khilafiah* yang mengelirukan dan menimbulkan kefanatikan.
- 4.2.3 Isi kandungan khutbah hendaklah padat, jelas dan menggunakan bahasa yang mudah difahami.
 - 4.2.4 Setiap perenggan hendaklah mempunyai kesinambungan antara satu sama lain dan tidak terlalu panjang serta meleret-leret.
 - 4.2.5 Setiap fakta hendaklah dinyatakan sumber yang diambil daripada rujukan yang muktamad seperti berikut:
 - 4.2.5.1 Ayat Al-Quran hendaklah dinyatakan nama surah dan nombor ayatnya.
 - 4.2.5.2 Terjemahan ayat mengikut Tafsir Pimpinan Ar-Rahman & Al-Quran Mushaf Malaysia Dan Terjemahan sahaja.
 - 4.2.5.3 Hendaklah menggunakan hadis Sahih atau hadis-hadis yang mempunyai sumber-sumber yang muktamad dengan sanad dan perawinya serta dibariskan mengikut kaedah Bahasa Arab yang betul.



4.2.5.4 Fakta-fakta lain hendaklah dirujuk kepada sumber-sumber yang asal.

4.3 **Penutup Penulisan Teks Khutbah**

4.3.1 Mengandungi kesimpulan dan rumusan daripada keseluruhan isi kandungan khutbah.

4.3.2 Ayat Al-Quran dan terjemahan yang lengkap berkaitan dengan tajuk khutbah hendaklah dimulai dengan *isti'azah*.

4.4 Khutbah Kedua


Penyediaan khutbah kedua disediakan oleh urusetia mengikut format yang telah ditetapkan.


9. KESIMPULAN

Diharapkan semoga Garis Panduan Penulisan Teks Khutbah JAIS yang disediakan ini dapat dijadikan panduan bermanfaat kepada para penulis dalam rangka penyediaan teks khutbah yang lebih dinamik, berkualiti dan beridentiti.



CARTA ALIR PROSES PENERBITAN TEKS KHUTBAH JAIS





BIL	NAMA	JAWATAN
1	Prof. Madya Dato' Dr. Haji Abdul Halim Bin Tamuri	Pensyarah UKM
2	Tuan Haji Ali Bin Mohamed	Timbalan Pengarah, JAIS
3	SS. Dato' Haji Abdul Majid Bin Haji Omar	Timb. Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
4	Prof. Madya Dr. Haji Osman Bin Sabran	Pensyarah UNISEL
5	Tuan Haji Hamid Bin Mat Isa	Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
6	Tuan Haji Ahmad Basir Bin Mujab	Mantan Pegawai Bhg. Pendidikan Islam,JAIS
7	Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah	Mantan Pegawai Bahagian Pendidikan Islam,JAIS
8	Tuan Haji Sianid Bin Mokim	Mantan Pegawai Bahagian Pendidikan Islam, JAIS
9	Tuan Haji Abdul Halem Hapiz bin Salihin	Timbalan Setiausaha MAIS
10	Tuan Haji Muhamad Zain Bin Abd. Rahman	Pengerusi Madrasah Darul Mujahidin
11	Haji Hanifuddin Bin Roslan	Ketua Penolong Pengarah Bhg. Pengurusan Masjid
12	Hairol Azmi bin Khairuddin	Penolong Pengarah (Unit Khutbah) Bhg. Pengurusan Masjid

